

**D.R. 40/2007**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1. (1)** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

**Pindaan seksyen 4**

**2.** Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4—

- (a) dalam perenggan (a) dan (b), dengan menggantikan perkataan "empat beias ribu dua ratus sembilan beias ringgit dan sembilan puluh dua sen" dengan perkataan "empat beias ribu sembilan ratus tujuh ringgit dan dua puluh sen"; dan
- (b) dalam perenggan (c) dan (d), dengan menggantikan perkataan "sembilan ribu enam ratus lapan puluh ringgit" dengan perkataan "sepuluh ribu lapan ratus empat puluh tujuh ringgit dan enam puluh lima sen".

**Pembayaran gaji walau apa pun seksyen 7**

3. Walau apa pun seksyen 7 Akta ibu, gaji bulanan yang dinyatakan dalam pindaan kepada Akta ibu dalam seksyen 4, dan yang kena dibayar. hendaklah bermula dari 1 Januari 2007 atau dari tarikh pelantikan atau pemilihan, yang mana-mana yang terkemudian, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ("Akta 237").

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 237 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan saraan bulanan Yang di-Pertua dan Timbaian Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji buianan yang disebut dalam *fasal 2* menjadi kena dibayar kepada orang yang dinyatakan dalam *fasal* itu.

**IMPLIKASI KEWANGAN**

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya dianggarkan sebanyak RM58,530.12 setahun.

[PN(U<sup>2</sup>)2608]